



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 22 MEI 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **63 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada COVID-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak **5,859 kes** (82.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 22 Mei 2020 jam 12:00 tengah hari, terdapat **78 kes** baharu yang telah dilaporkan. Oleh itu, jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **7,137 kes** dan jumlah **kes aktif** dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah **1,163 kes**. Ingin dimaklumkan daripada 78 kes baru yang dilaporkan, 25 kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara. Daripada 53 kes penularan tempatan, 40 kes adalah bukan warganegara Malaysia di mana 25 kes telah dikesan di Depot Tahanan Imigresen (DTI) di Bukit Jalil.

Sehingga kini, terdapat **sembilan (9) kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, lima (5) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **115** kes (1.61 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-115 (kes ke-3616) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 65 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit buah pinggang. Beliau telah dirawat di Hospital Sungai Buloh, Selangor pada 3 April 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 21 Mei 2020 jam 2.58 petang.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga beliau.

RAIKAN HARI RAYA AIDILFITRI DENGAN PEMAKANAN YANG SIHAT DAN SELAMAT

Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini pastinya berbeza daripada tahun-tahun sebelum ini. Namun ini tidak bermakna sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak dapat diraikan dengan semangat yang sama. Malahan, sambutan di rumah sendiri bersama ahli keluarga yang terdekat mungkin dapat memberi makna yang baharu yang lebih mendalam kepada kita semua.

Sebulan berpuasa di bulan Ramadan ketika berlakunya penularan wabak COVID-19 telah mengajar kita semua erti sebenar kesabaran dan pengorbanan. Ramadan telah dilalui dengan norma dan kebiasaan baharu bagi memastikan jangkitan COVID-19 dapat dibendung. Kini KKM menyeru masyarakat untuk menjalani Hari Raya Aidilfitri dan Syawal

pula dengan norma dan kebiasaan baharu, dengan mematuhi Prosedur Standard Operasi (SOP) yang telah disarankan.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri sememangnya tidak lengkap tanpa menjamah juadah istimewa Hari Raya. Ini sememangnya menjadi amalan masyarakat Malaysia di Hari Raya. Bagi memastikan juadah ini dapat dinikmati dengan selamat, proses penyediaan makanan perlulah diberi perhatian terutamanya dari segi cara pemasakan yang betul dan selamat. Penyediaan makanan yang selamat turut mencegah keracunan makanan. Sepanjang bulan Syawal tahun 2019, KKM telah menerima laporan 53 episod keracunan makanan melibatkan 1,995 kes.

Susulan itu, KKM menyarankan orang ramai supaya mengamalkan lima (5) kunci keselamatan makanan bagi memastikan makanan yang disediakan untuk ahli keluarga yang tersayang adalah bersih dan selamat iaitu:

1. Amalkan kebersihan diri dan mencuci tangan dengan air dan sabun sebelum mengendalikan makanan;
2. Gunakan bahan mentah yang segar dan air yang bersih;
3. Gunakan peralatan yang berasingan seperti papan pemotong untuk makanan mentah dan yang telah dimasak;
4. Masak makanan dengan sempurna dan pastikan ianya dimakan dalam tempoh tidak melebihi empat (4) jam; dan
5. Simpan makanan pada suhu yang bersesuaian dan tidak melebihi tiga (3) hari di dalam peti sejuk.

Amalan pemakanan yang sihat dan seimbang haruslah diamalkan pada setiap masa. Sehubungan itu, amalkan **3M** iaitu:

1. **Masak di rumah** jika boleh. Ini dapat membantu mengawal penggunaan minyak, gula dan garam dalam makanan.

2. **Makan buah-buahan dan sayur-sayuran** setiap hari untuk meningkatkan kesihatan tubuh badan.
3. **Minum air kosong** sekurang-kurangnya lapan (8) gelas sehari. Elakkan minuman yang mempunyai kandungan gula tinggi seperti kordial dan minuman berkarbonat.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihatkan orang ramai agar sentiasa mempunyai sikap dan rasa bertanggungjawab semasa menjalankan sebarang aktiviti di luar mahupun di dalam rumah, termasuk dalam persiapan sambutan Hari Raya. Amalan-amalan seperti berikut perlu terus dijadikan sebagai satu kelaziman kehidupan seharian, seperti:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak** (*Crowded place*), elakkan kawasan yang **sempit** (*Confined space*) dan elak **sembang** atau bertutur dengan jarak yang dekat (*Close conversation*).
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elak bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala.
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung
 - Jadikanlah perayaan yang bakal tiba sebagai perayaan tertutup antara ahli keluarga di rumah sahaja

- Lakukan aktiviti disinfeksi;

Patuhlah kepada S.O.P dan nasihat-nasihat yang disarankan oleh pihak KKM iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

22 Mei 2020 @ 4.30 petang

LAMPIRAN 1

BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA (SEHINGGA 22 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	96
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	255
SELANGOR	20 (1)	1,693
NEGERI SEMBILAN	13 (13)	791
MELAKA	1	216
JOHOR	0	669
PAHANG	2	341
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	156
SABAH	2	340
SARAWAK	1	545
W.P. KUALA LUMPUR	39 (11)	1,676
W.P. PUTRAJAYA	0	93
W.P. LABUAN	0	16
JUMLAH KESELURUHAN	78 (25)	7,137

*() adalah merujuk kepada kes-kes import